



**MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**  
**SCHOOL OF HOTEL & TOURISM MANAGEMENT**

*BENTUK-BENTUK PERNIAGAAN DI MALAYSIA*

*STR 300*

**Disediakan untuk**  
**Puan Siti Zaharah**  
**Pensyarah MEDEC**

**DISEDIAKAN OLEH**

**DEBORAH SUSANNE DISIMON**  
**DYG. SANDRAWATI ABG. JOSMANI**

**DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN**  
**SEMESTER 06**

**10 APRIL 1997**

## **BENTUK-BENTUK PERNIAGAAN DI MALAYSIA**

Bentuk-bentuk perniagaan di Malaysia terbahagi kepada beberapa bentuk seperti carta dibawah :-

Organisasi perniagaan di Malaysia dapat dikategorikan kepada empat jenis iaitu :-

- \* Perniagaan yang ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1978) dan Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957
- \* Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.
- \* Ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1948.
- \* Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Kerajaan Negeri.

### **CIRI-CIRI PERNIAGAAN**

Organisasi-organisasi perniagaan yang ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ( Pindan 1978 ) dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu Perniagaan Kepunyaan Tunggal dan Perniagaan Perkongsian.

#### **i) Perniagaan Kepunyaan Tunggal**

##### **Ciri-ciri:-**

Perniagaan ini dimiliki oleh seorang sahaja dan dikendalikan oleh pemilik berkenaan.

##### **Kelebihan Perniagaan Kepunyaan Tunggal:-**

- \* Mudah untuk diuruskan.
- \* Mudah ditubuhkan dan mudah ditamatkan.
- \* Pemilik mudah mengawal perniagaan dan membuat sebarang tindakan.

- \* Keuntungan milik pemilik perniagaan keseluruhannya.
- \* Tidak banyak tertakluk kepada peraturan dan perundangan kerajaan.

#### **Kelemahan Perniagaan Kepunyaan Tunggal:-**

- \* Modal perniagaan terhad kepada yang dapat disumbangkan oleh pemilik.
- \* Tanggungan perniagaan tidak terhad iaitu boleh melibatkan harta-harta pemilik.
- \* Pengembangan perniagaan terhad kepada keupayaan pemilik.
- \* Pemilik banyak menanggung bebanan kerja dari segi masa dan tenaga.
- \* Hayat perniagaan bergantung kepada usia dan kecekapan pemilik.

#### **ii ) Perniagaan Perkongsian**

##### **Ciri-ciri:-**

- \* Ahli terdiri dari sekurang-kurangnya 2 orang atau lebih tetapi tidak melebihi 20 ahli. Dalam kes-kes tertentu, keahlian boleh melebihi 20 orang tetapi mestilah kurang daripada 50 orang.
- \* Ahli-ahli menjalankan perniagaan bersama untuk memperolehi keuntungan.
- \* Setiap ahli adalah wakil dan boleh mengambil tindakan bagi pihak perniagaan.

##### **Kelebihan Perniagaan Perkongsian:-**

- \* Lebih mudah untuk mendapat pembiayaan secara kredit.
- \* Sumber modal yang lebih banyak.
- \* Tanggungjawab pengurusan dan pengendalian perniagaan dibahagi diantara rakan kongsi.

- \* Terdapat berbagai pendapat, kebolehan dan kemahiran yang boleh digabungkan untuk kepentingan dan pengembangan perniagaan.

#### **Kelemahan Perniagaan Perkongsian:-**

- \* Keuntungan perniagaan perlu dibahagikan mengikut bilangan rakan kongsi dan peratusan syer pemilikan.
- \* Pengembangan perniagaan bergantung kepada kebolehan dan kemampuan rakan-rakan kongsi.
- \* Tanggungan perniagaan tidak terhad iaitu boleh melibatkan harta-harta peribadi rakan kongsi.
- \* Hayat perniagaan bergantung bergantung kepada hayat rakan kongsi dimana ianya akan dibubarkan sekiranya salah seorang rakan kongsi meninggal dunia sekiranya tidak dinyatakan dalam perjanjian yang berasingan.

Di dalam Akta Pendaftaran Perniagaan tidak dinyatakan bahawa penubuhan perniagaan perkongsian perlu disertakan dengan satu perjanjian bertulis. Tetapi adalah lebih baik sekiranya diadakan Kontrak Perjanjian atau Surat Ikat Perkongsian untuk mengelakkan sebarang kekeliruan atau perselisihan faham.

Antara perkara-perkara penting yang perlu dinyatakan ialah seperti berikut :-